

# Penganggur cederakan warga emas dipenjara lapan tahun dan disebat

**MIRI:** Seorang penganggur dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah disabitkan bersalah menyebabkan kecederaan parah ke atas seorang lelaki warga emas dengan menggunakan sebongkah kayu.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Azreena Aziz setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukannya serta mengambil kira kepentingan awam.

Kennedy Alban Sigai, 43, dari Tansang, Betong, telah didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksan yang boleh membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan

boleh disebat jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati dengan sengaja telah mendatangkan kecederaan parah ke atas William Ngau Taja, 63, dengan menggunakan sebongkah kayu.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 8.40 pagi, 14 April lalu di terminal bas Jalan Padang di sini.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 14 April lalu.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya David Bakit Nuing manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.